

Laporan akan ke MT Umno

BH 30 JUN 2004

KUALA LUMPUR, Jumaat - Laporan mengenai isu jumlah pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi Umno, tidak lama lagi.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata laporan dan cadangan mengenai isu itu akan dibentangkan sendiri Menteri Pendidikan. Tan Sri Musa Mohamad, yang juga Pengerusi Biro Pendidikan Umno.

Malah, katanya, Musa bukan saja akan membentangkan laporan mengenai ketidakseimbangan jantina di IPTA itu, tetapi juga keciciran yang berlaku di kalangan pelajar lelaki pada peringkat sekolah rendah, menengah dan kolej yang dikatakan ada kaitan.

"Masalah nisbah pelajar perempuan yang tinggi betanding lelaki tidak semestinya dilihat di IPTA saja, malah perlu dilihat juga keciciran yang berlaku di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan kolej.

"Kita perlu lihat kadar keciciran yang lebih tinggi di kalangan pelajar lelaki yang berlaku pada peringkat lebih rendah. Keadaan ini perlu diatasi sebelum keadaan menjadi bertambah buruk.

"Musa sendiri akan mengemukakan cadangan berhubung perkara itu kepada MT bagi tindakan selanjutnya," katanya ketika ditanya mengenai isu berkenaan.

Sewaktu berucap di Perhimpunan Agung Umno ke-55 baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad, berkata kini lebih ramai pelajar perempuan Melayu diterima ke universiti berbanding pelajar lelaki kerana mereka lebih tekun belajar, tidak merayau-rayau dan lebih bertanggungjawab.

Walaupun tiada bukti menunjukkan pelajar perempuan lebih pandai, katanya, prestasi kurang baik pelajar lelaki kini sudah sampai kepada peringkat hanya 20 peratus lelaki diterima memasuki IPTA berbanding 80 peratus pelajar perempuan.

Muhyiddin berkata, keadaan pelajar lelaki sedikit berbanding pelajar perempuan di IPTA mungkin disebabkan mereka lebih berminat mengikuti kursus vokasional dan teknikal selepas tamat sekolah.

Bagaimanapun, katanya, jika masalah itu tidak diatasi, ia akan menimbulkan lebih banyak masalah terutama untuk mencari keseimbangan guna tenaga lelaki dan perempuan di Malaysia.

Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda Umno, Dr Adham Baba, pula berkata jika perempuan lebih ramai dalam pendidikan tinggi, secara tidak langsung akan menyebabkan perempuan memonopoli kumpulan kelas pertengahan.

"Secara tidak langsung juga pembabitan perempuan dalam politik akan bertambah dan menyebabkan suara perempuan semakin kuat dalam parti politik kerajaan mahupun pembangkang.

"Nanti akan wujud keadaan kerajaan atau kepemimpinan parti terpaksa

menimbang untuk menambah kedudukan untuk wanita terutama kerusi pilihan raya, jawatan dalam Kabinet atau jawatan tertinggi kerajaan," katanya.

Dr Adham tidak menafikan dari segi jangka pendek, kewujudan kumpulan politik wanita yang matang dapat membantu pembangunan negara selain menjadi aset berguna dalam parti politik mahupun kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, dalam jangka panjang keadaan itu akan mengubah struktur politik negara serta menyebabkan peranan wanita dalam keluarga berkurangan.

Di KOTA KINABALU, Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, peningkatan pelajar perempuan di pusat pengajian tinggi tempatan hanya membatik peringkat sarjana muda.

"Pelajar lelaki masih mengatasi perempuan bagi pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti tempatan. Keadaan ini bukan saja berlaku di Malaysia tetapi di seluruh dunia," katanya.

Ketika dihubungi, Mohd Noh berkata, jumlah pelajar perempuan lebih ramai di universiti tempatan kerana peluang yang disediakan kerajaan bagi meningkatkan mutu pendidikan golongan perempuan.

"Pandangan Pendita Za'aba pada awal 60-an yang mahukan perempuan yang diabaikan pelajaran sebelum ini, diberi peluang pendidikan sama rata dengan lelaki akhirnya kini

menjadi kenyataan, apabila lebih ramai pelajar perempuan memasuki universiti," katanya.

Mohd Noh berkata bagi mengatasi masalah kekurangan pelajar lelaki di universiti, mungkin pada masa depan pihak berkuasa terpaksa mengenakan kuota kemasukan pelajar lelaki ke universiti.

"Sekarang kita amalkan kuota kaum untuk masuk universiti, mungkin tidak lama lagi kerajaan perlu mengenakan kuota jantina bagi kemasukan ke pusat pengajian tinggi.

"Ini perlu bagi sesetengah bidang yang memerlukan penyertaan lebih ramai lelaki termasuk kejuruteraan dan perhutanan," katanya.

Mohd Noh berkata, pelajar perempuan turut melebihi lelaki di Singapura terutama di kalangan penduduk Melayu, tetapi pelajar lelaki di Jepun menguasai bidang kejuruteraan di universiti negara berkenaan.

Beliau berkata, pelajar perempuan di kolej kediaman kurang melakukan kegiatan vandalisme berbanding lelaki.

"Ramai pelajar lelaki didapati ponteng kuliah, lambat menghantar kerja kursus selain melakukan vandalisme yang merosakkan harta universiti terutama di kolej kediaman," katanya.